

07 DEC 1996

Sanusi-China

SANUSI KE CHINA UNTUK BINCANG PROGRAM PENDIDIKAN BAHASA

YAN, 7 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid akan ke China Selasa ini untuk berbincang dengan para pegawai sebuah universiti di negara itu mengenai cadangan program pertukaran pelajar.

"Kami akan meninjau kemungkinan dan daya maju cadangan untuk mewujudkan Pusat Pengajian China-Malaysia di Universiti Nanking dan pusat yang sama di sebuah universiti di Malaysia," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan kebersihan dan keindahan rancangan perumahan awam kos rendah peringkat negeri, di Taman Perumahan Awam Yan II, di sini.

Sanusi berkata melalui cadangan itu 40 rakyat China akan dihantar setiap tahun ke Malaysia untuk mempelajari Bahasa Melayu dan mendalami pengetahuan tentang negara ini selama setahun dan pada masa yang sama 40 pelajar Melayu akan dihantar ke Universiti Nanking bagi mempelajari Bahasa Mandarin dan mengenali negara China.

Menurut beliau, cadangan itu adalah lanjutan daripada program yang serupa antara Universiti Nanking dan sebuah Universiti di Amerika Syarikat.

Sanusi berkata Pusat Pengajian Malaysia-China di negara ini mungkin ditubuhkan di Universiti Utara Malaysia (UUM) tetapi beliau menjelaskan bahawa perkara itu akan dibincangkan dengan Kementerian Pendidikan yang akan menetapkan pusat pengajian yang sesuai.

Sanusi berkata selain itu, beliau akan berbincang dengan para pegawai kerajaan China di Beijing mengenai cadangan negara itu untuk membantu Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) untuk bergiat dalam penanaman padi di negara ketiga.

"China bercadang untuk menyumbang kepada satu tabung bagi menjayakan rancangan itu perkara ini akan dibincangkan dan mungkin Bernas (Beras Nasional Bhd) akan dilibatkan dalam rancangan itu," katanya.

Semasa di China, Sanusi yang diiringi Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Awam dan Pengguna Kedah Datuk Beh Heng Seong, juga akan membincangkan mengenai cadangan menjadikan Langkawi sebagai pusat persinggahan (transit) rakyat China beragama Islam yang dalam penerbangan ke negara-negara luar.

Sanusi berkata bahawa semua perkara itu telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta beliau membuat perbincangan susulan.

Sebelum ke Beijing, Sanusi akan menerima gelaran Profesor dalam bidang ekonomi yang dianugerahkan oleh Universiti Nanking, di kampus universiti itu.

Sanusi berkata bahawa pemilihan untuk gelaran itu dibuat sebelum beliau menjadi Menteri Besar tetapi penganugerahannya hanya akan dilakukan minggu depan. -- BERNAMA

MFJ PR